

09/02/1998

Senaraihitamkan firma bawa keluar simpanan

KUANTAN, Ahad - Umno bahagian Kuantan mahu kerajaan menyenaraihitam beberapa syarikat yang didakwa membawa keluar simpanan masing-masing ke luar negara dipercayai mencapai jumlah RM20 bilion berikutan kejatuhan nilai ringgit sejak beberapa bulan lalu.

Sepatutnya syarikat terbabit mendengar nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta rakyat membawa pulang wang mereka ke negara ini.

Ketua bahagian Umno itu, Datuk Fauzi Abdul Rahman, menyifatkan syarikat terbabit sebagai pembelot mahu ia membawa semula wang itu ke tanah air kerana nilai mata wang semakin kukuh.

Beliau berkata, wang sebanyak RM20 bilion itu boleh dilaburkan dalam negara atau disimpan dalam bank tempatan.

Sambil kesal dengan tindakan syarikat itu, menurutnya, sesetengah mereka pernah mendapat bantuan kerajaan untuk terbabit dalam perniagaan.

"Umno bahagian Kuantan mencadangkan kerajaan menyenaraihitam syarikat itu supaya mereka sedar dengan perbuatan itu boleh mengkhianati ekonomi negara.

"Kami menganggap mereka sebagai pembelot kepada kerajaan selepas memperolehi hasil dalam negara ini," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Fauzi yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, walaupun keadaan pasaran saham dan ringgit semakin kukuh, rakyat patut meningkatkan produktiviti.

Katanya, dasar kerajaan mahu meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara tidak boleh dihentikan.

"Kita harus berusaha mengubah sikap daripada bergantung kepada barangan import kepada keluaran tempatan untuk memastikan tidak banyak ringgit dibawa keluar.

"Sikap lama seperti berbelanja berlebihan sepatutnya dikikis, sebaliknya kita mesti mengamalkan tabiat menabung atau melabur dalam saham amanah," katanya.

(END)